




The Malaysian Medical Gazette

- About ▾
- Announcements
- Articles ▾
- Opinions
- Feature Articles ▾
- Young Columnists Program
- Contact Us
- Terms of Use

HEALTH EDUCATION, MEDICATION/UBAT-UBATAN, PAEDIATRICS/PEDIATRIKS, PUBLIC HEALTH/KESIHATAN AWAM

Vaksin Pneumokokal: Pencegah Jangkitan Kuman Paru-paru Nombor 1 di Dunia! – Dr Mohammad Hj. Che’ Man

by [Hidayah](#) • November 12, 2019 • [0 Comments](#)



Penyakit jangkitan kuman pneumokokal (*Streptococcus pneumoniae*) adalah penyebab jangkitan kuman paru-paru yang tertinggi di dunia yang menyebabkan morbiditi dan mortaliti. Perebakannya dari seseorang kepada seseorang yang lain adalah melalui rembesan cecair paru-paru seperti air liur dan mukus. Selain daripada pencegah jangkitan kuman paru-paru yang utama, vaksin pneumokokal juga adalah pencegah jangkitan kuman selaput otak

(meningitis), jangkitan kuman telinga tengah (otitis media) yang biasa berlaku pada golongan kanak-kanak dan bakterimia iaitu pengaliran kuman pneumokokal dalam saluran sistemik darah.

Kajian- kajian terbaru membuktikan bahawa vaksin pneumokokal melindungi:

1. Sekurang-kurangnya 8 dari 10 bayi penyakit jangkitan pneumokokal yang serius
2. Sekurang-kurangnya 75 dari 100 orang warga emas berumur 65 tahun ke atas dari jangkitan pneumokokal yang serius.

THE SPEAKSPACE

VACCINES WORK

It is an open secret to beat **DIPHTHERIA**

Why reinvent the wheel, when it is already tried and tested? Ignorantly, **VACCINE** your child today.

ANNUAL NUMBER OF REPORTED CASES OF DIPHTHERIA, ONTARIO, CANADA, 1954 - 2012

www.mmgazette.com

3. Sekurang-kurangnya 45 dari 100 orang warga emas berumur 65 tahun ke atas dari jangkitan kuman pneumokokal paru-paru.

Jenis-jenis vaksin pneumokokal yang utama:

1. Synflorix (Pneumokokal konjugat): Mempunyai 10 strains pneumokokal dan 'coverage' adalah untuk sepanjang hayat. Boleh diberikan kepada bayi seawal usia 6 minggu.
2. Prevenar- 13 (Pneumokokal konjugat): Mempunyai 13 strains pneumokokal dan 'coverage' adalah untuk sepanjang hayat. Boleh diberikan kepada bayi seawal usia 6 minggu.
3. Pneumovax-23 (Pneumokokal polisakarida): Mempunyai 23 strains pneumokokal dan perlu diperbaharui setiap 5 tahun. Boleh diberikan kepada kanak-kanak seawal umur 2 tahun.

Jadual suntikan vaksin yang disarankan adalah seperti berikut:

- Umur diantara 6 minggu sehingga 6 bulan: 4 dos (2 bulan jarak jarak untuk setiap dos)
- Umur diantara 6 bulan sehingga 12 bulan: 3 dos (2 bulan jarak untuk setiap dos)
- Umur diantara 12 bulan sehingga 2 tahun: 2 dos (2 bulan jarak untuk setiap dos)
- Umur 2 tahun dan ke atas: 1 dos



"Centers for disease control and prevention" (CDC) sangat menyarankan supaya vaksin pneumokokal diambil oleh golongan seperti:

1. Kanak-kanak yang berumur kurang dari 2 tahun.
 2. Orang tua berumur lebih dari 65 tahun.
 3. Orang yang berusia antara 2 hingga ke tahun yang mempunyai masalah-masalah seperti:
- Penyakit-penyakit kronik contohnya seperti penyakit jantung, hati, peparu dan buah pinggang, penyakit lelah asma dan penyempit saluran peparu disebabkan merokok dan juga pesakit yang menghidap kencing manis.
 - Penyakit lemah sistem pertahanan badan seperti HIV/AIDS, kanser atau yang mempunyai kerosakan atau telah membuang limpa.
 - Yang telah melalui prosedur telinga 'cochlear implant'
 - Pesakit yang menghisap rokok.

BOLEH DIBERIKAN SEKALI DENGAN VAKSIN YANG LAIN PADA MASA YANG SAMA CUMA BERLAINAN TEMPAT!!

Kontraindikasi vaksin pneumokokal:

1. Tidak boleh diberikan kepada pesakit yang ada sejarah alergi yang teruk kepada suntikan pneumokokal.
2. Kanak-kanak yang kurang daripada umur 6 minggu

Kesan sampingan yang biasa: Kurang selera makan, senang 'irritable', mengantuk, kurang selera makan, demam, merah di kawasan suntikan dan ruam-ruam di badan.

SOCIAL MEDIA



CATEGORIES

- [#ForMedicalStudents](#)
- [#HealthyRamadhan](#)
- [#MsiaEndsDengue](#)
- [#SmokeFreeMY](#)
- [Allied Health/Kesihatan](#)
- [Back to School](#)
- [Breast Cancer Awareness](#)
- [Cancer/Barah](#)
- [Dental/Pergigian](#)
- [Dermatology/Dermatologi](#)
- [DoctorOnCall](#)
- [DoctorOnCall](#)
- [Early Career Psychiatric Chapter \(ECP\)](#)
- [Editorials](#)
- [Emergency Medicine/Perubatan Kecemasan](#)
- [ENT/Telinga, Hidung & Tekak](#)
- [Feature Articles](#)
- [Floods & Health](#)
- [General/Umum](#)
- [Health Education](#)
- [Heart Awareness Month](#)
- [Infectious](#)

Rujukan:

1. Pneumococcal Vaccine: Centers for disease control and prevention (CDC)
2. Paediatric Protocol for Malaysian Hospital, 3rdEdition
3. World Health Organization (WHO): Pneumococcal conjugate vaccine

ASST. PROF. DR. MOHAMMAD BIN HJ. CHE' MAN

PENSYARAH PERUBATAN KLINIKAL/ PAKAR PERUBATAN KELUARGA,

DEPARTMENT OF FAMILY MEDICINE, KULLIYAH OF MEDICINE, IIUM KUANTAN
PAHANG.

Diseases/Penyakit Berjangkit

- Internal Medicine/Perubatan Dalaman
- Kejururawatan/Nursing
- Letters To Editor
- Lifestyle/Gaya Hidup
- Medical &